



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	18/11/2019	MUKA SURAT	: 16
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Girang mati diracun

Organ dalamaman gagal berfungsi

Sabah cadang perketat peraturan elak kejadian berulang

Oleh Hazsyah Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kinabatangan: Seekor gajah betina yang dinamakan 'Girang' ditemui mati dalam sebuah ladang di Sukan kelmarin, dipercayai akibat keracunan.

Bangkai gajah yang dipasang kolar satelit itu ditemui pekerja ladang pada jam 5.50 pagi sebelum memaklumkan kepada Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sabah.

Pengarah JHL Sabah, Augustine Tuuga, berkata bedah siasat mendapati gajah terbahit tidak mempunyai kesan kecederaan luaran atau ditembusi peluru.

Katanya, bedah siasat mendapati organ gajah itu seperti jantung, paru-paru, hati, limpa dan buah pinggang dilaporkan mengalamai *severe congestion*.

"Gajah ini dipercayai keracunan yang menyebabkan kegagalan fungsi organ sehingga membawa kepada kematian."

"Identiti gajah betina ini dikenal pasti sebagai 'Girang', iaitu antara gajah yang dipasang kolar satelit," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Berdasarkan rekod satelit, Augustine berkata, Girang dipercayai mati 14 November lalu.

Katanya, laporan polis dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah Kinabatangan untuk tindakan lanjut.

"Siasatan diteruskan mengikut Seksyen 37 Enakmen Perlindungan Hidupan Liar 1997," katanya.

Penemuan terbaru itu menandakan jumlah kematian gajah di Sabah tahun ini meningkat kepada 29 ekor.

Sementara itu, Timbalan Ketua Menteri Sabah yang juga Menteri



Christina Liew Chin Jin

Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Christina Liew Chin Jin, berkata gajah itu dipercayai diracun atau termakan racun daripada baja tanaman menyebabkan kegagalan organ dalaman.


"Ada kemungkinan seseorang meracunnya kerana berdasarkan bedah siasat, kandungan perutnya mengandungi makanan elok."

"Kami sedih dengan kejadian ini, jika ini adalah kes pembunuhan binatang liar, mereka yang melakukannya mencebar kita dan undang-undang. Kami tidak akan bertolak ansur," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri juga akan menyemak semula undang-undang berkaitan dan meningkatkan kadar hukuman bagi memastikan kejadian seperti itu tidak berulang.



Girang ditemui mati di sebuah ladang di Sukan, Kinabatangan, kelmarin.



Antara gajah Pygmy menjadi mangsa pemburu harim, awal tahun lepas

Kronologi kes kematian gajah Pygmy di Sabah 2019

- » **September 2019** - Bangkai seekor gajah Pygmy Borneo ditemui di Sungai Udin, Dumapas di Tawau dengan 70 kesan tembak.
- » **19 Oktober 2019** - Seekor gajah Pygmy Borneo ditemui mati dalam ladang di Beluran dengan kesan tembak dan serta gading hilang.
- » **3 November 2019** - Bangkai seekor gajah Pygmy Borneo ditemui terapung di Sungai Kinabatangan, Kinabatangan.
- » **16 November 2019** - Gajah betina diberi nama 'Girang' antara gajah yang dipasang kolar satelit ditemui mati dalam sebuah ladang di Sukan, Kinabatangan, dipercayai mati akibat keracunan.

Kes kematian gajah Pygmy di Sabah 2018

- » **29 Jun 2018** - Dua gajah di Taman Hidupan Liar Lok mati kerana sakit dan terkena jangkitan penyakit baru.
- » **16 Julai 2018** - Seekor gajah jantan dengan kecederaan teruk di kaki ditemui mati di Ulu Segama, Lahad Datu dipercayai terkena jerat.
- » **19 Julai 2018** - Seekor gajah jantan ditemui mati berhampiran kem pembalakan yang ditinggalkan di Hutan Simpan Kuanut di Kinabatangan dipercayai akibat bergelut dengan gajah lebih besar.
- » **23 Julai 2018** - Seekor gajah dilaporkan mati di Kampung Keramaak, Tongod dipercayai ditembak.
- » **13 Ogos 2018** - Bangkai anak gajah berusia dua tahun ditemui terapung di Sungai Kinabatangan berhampiran Sukan.
- » **25 Ogos 2018** - Seekor gajah betina berusia 12 hingga 15 tahun ditemui mati dengan kesan tembak di kepala di Ladang Kelapa Sawit Bintang Emas di Tongod.

Kes kematian gajah Pygmy di Sabah 2017

- » **Ogos 2017** - Seekor gajah betina ditemui mati dengan kesan tembak dalam ladang sawit berhampiran Hutan Simpan Matua, Kinabatangan.
- » **10 September 2017** - Bangkai anak gajah jantan ditemui di Dumapas, Tawau dipercayai dibunuh pemburu harim bagi mendapatkan gading.
- » **24 September 2017** - Bangkai gajah ditemui di Sungai Kinabatangan dipercayai dibunuh pemburu harim berkaitan gadingnya dipotong, sebelum bangkai haiwan itu dibuang ke sungai.
- » **November 2017** - Bangkai seekor gajah jantan dengan tiga kesan tembak ditemui di Ladang Cenderamata, Jalan Merotai-Kalabakan, Tawau dipercayai ditembak pemburu harim.
- » **6 Disember 2017** - Seekor gajah ditemui mati dipercayai ditembak pemburu harim di Ladang Dula, Telupid.

Kes kematian gajah Pygmy di Sabah antara Disember 2012 hingga Januari 2013

- » **Antara Disember 2012 hingga Januari 2013** kematian 14 gajah Pygmy Borneo di Hutan Simpan Gunung Rara, Tawau.